

Lengkapkan dialog dengan maklumat yang sesuai berdasarkan maklumat di atas.

- Imran : Ini gambar-gambar _____?
- Amar : Ini gambar yang saya ambil untuk membuat folio.
- Izuni : Apakah _____ folio awak ?
- Amar : Tajuk folio saya _____ " Citra Pendidik".
- Imran : _____ sikap warga pendidik?
- Amar : Mereka baik hati dan gigih mendidik, _____, sanggup menghadapi cabaran dan prihatin
- Izuni : Buktinya _____?
- Amar : Begini, mereka rela dan reda berkhidmat di mana-mana tempat. Mereka boleh bertugas di pedalaman _____ tempat itu kekurangan kemudahan asas. Mereka juga rela _____ seperti menaiki bot dalam tempoh masa yang lama untuk ke sekolah yang jauh di pedalaman.
- Imran : Betul. Mereka reda tinggal di rumah yang kurang selesa. Di situ mereka juga mengadakan kelas tuisyen untuk membantu murid-murid. Mereka umpama _____.
- Amar : Itu Cikgu Rahman, beliau sanggup _____ semasa melalui jalan yang sukar ke sekolah beliau.
- Imran : Budak ini _____?
- Amar : Ini Islah. Dia murid yang kurang berkemampuan. Atas sikap _____, Cikgu Rahman akan menjemput Islah dari rumahnya. Cikgu Rahman juga ringan tulang. Beliau selalu membantu penduduk kampung itu.